

INFO PDP

Menarik

- Apakah makna Pengguna Data?

Info PDP
(Perlindungan
Data Peribadi)

Akta 709 telah dikuatkuasa sepenuhnya pada 15 November 2013 adalah bertujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data serta melindungi kepentingan data peribadi umum.

LAWATAN KE AGENSI-AGENCI PENGGUNA DATA

BERITA EKSKLUSIF BULAN INI

APA KATA PENGGUNA DATA?

PENGGUNA DATA?

“Pengguna Data” ertinya seseorang yang sama ada berseorangan atau bersejajarnya atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data;

“pengguna data yang berkaitan”, berhubung dengan—

(a) sesuatu pemeriksaan, ertinya pengguna data yang menggunakan sistem data peribadi yang menjadi subjek pemeriksaan itu;

(b) sesuatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;

(c) sesuatu penyiasatan—

(i) dalam hal suatu penyiasatan yang dimulakan dengan suatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;

(ii) dalam mana-mana hal lain, ertinya pengguna data yang menjadi subjek penyiasatan itu;

(d) sesuatu notis penguatkuasaan, ertinya pengguna data yang kepadanya disampaikan notis penguatkuasaan itu.

KEDAH MEDICAL CENTRE, ALOR SETAR, KEDAH

“Akta 709 banyak membantu terutamanya nombor telefon yang sebelum ini sangat mudah diakses oleh pihak ketiga untuk tujuan tertentu tanpa kebenaran. Untuk hospital pula ianya bukan hanya untuk melindungi pesakit atau pelanggan tetapi juga sekiranya kita mengikut apa yang dinyatakan di dalam Akta ia akan melindungi kepentingan perunding, semua anggota pekerja hospital dan melindungi hospital itu sendiri. Akta ini adalah positif!”

- Encik Zabidi Hj. Abdul Razak
CEO, Kedah Medical Centre
Alor Setar Kedah.



HOTEL SRI MALAYSIA, KANGAR PERLIS

“Pihak hotel akan membuat penambahbaikan kepada perihal yang berkaitan perlindungan data peribadi pelanggan hotel, saya juga memandangkan Akta 709 memberi kebaikan dan kelebihan kepada imej hotel dan pihak pengurusan hotel secara keseluruhannya.” Puan Nur Faizah, *Front Office Supervisor*.



“Banyak maklumat berkaitan Akta 709 yang sebelum ini tidak nampak kepentingannya sebenarnya perlu diambil tahu bagi melindungi data peribadi pelanggan yang berurusan dengan TESCO. Saya sendiri juga sebagai pemilik data semakin memahami kepentingan melindungi data peribadi dari disalahgunakan pihak lain.” Encik Mohd. Saad Mat Isa, *Human Resource Manager, TESCO MERGONG, KEDAH.*

AFFIN BANK, CAWANGAN SG. PETANI, KEDAH



“Akta ini memang bagus sebab ianya menekankan kepentingan melindungi data peribadi pelanggan. Secara peribadi saya merasa terjamin terutamanya tentang peredaran langsung.

Sekiranya ada pihak yang menghubungi saya dan cuba membuat peredaran langsung saya boleh memaklumkan untuk tidak berbuat demikian di bawah seksyen 43 (Hak untuk

menghalang pemrosesan bagi maksud pemasaran langsung) yang sebenarnya tiada dalam Banking Act dan Financial Services Act. Ini sangat baik untuk industri. Dari segi peningkatan imej pula sekiranya pelanggan mengetahui bahawa Affin Bank bukan hanya memberikan perkhidmatan terbaik tetapi juga akan memastikan bahawa data peribadi pelanggan terjamin selamat dan dilindungi oleh Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi, mereka akan memilih untuk berurusan dengan Affin Bank dan ini sangat baik untuk perniagaan.” **Puan Lee Guet Poh, Ruth, Manager Legal & Secretarial**



KOMITMEN MAXIS KEPADA PELANGGAN

“MAXIS menghargai kepercayaan anda dan kami komited untuk melindungi maklumat peribadi anda. Untuk memastikan bahawa anda dapat membuat keputusan yang bermakna dan berasa yakin akan pembekalan maklumat peribadi anda kepada kami apabila menggunakan mana-mana Laman Web.

Kumpulan Maxis, Produk dan/atau Perkhidmatan kami, kami telah menyediakan Penyataan Privasi ini untuk anda yang menghuraikan amalan-amalan kami dan pilihan anda mengenai cara-cara maklumat peribadi anda dikumpul dan digunakan oleh kami.” **Encik Tan Cheong Tatt, Head of Customer Service Channels Sales & Service Maxis**

TENAGA NASIONAL BERHAD

“TNB telah mengeluarkan notis kepada pengguna secara bertulis untuk memaklumkan bahawa TNB mematuhi Akta 709 melalui bil elektrik, laman sesawang dan di kaunter-kaunter bayaran bil. TNB juga tiada masalah untuk mematuhi dan melaksanakan Akta ini dan Akta ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan pelanggan dalam pengurusan data peribadi mereka.”

Encik Mohd. Fadzil b. Mohd Arif, Penolong Pengurus (Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran) kawasan Seremban



ERA BARU DEVELOPMENT SDN BHD.



“Lawatan ini memberi kesedaran dan maklumat terperinci berkaitan Akta ini supaya kami lebih jelas.

Kami lebih mengetahui bagaimana untuk mengawal selia data peribadi pelanggan yang telah dan akan kami seliakan nanti”. **Puan Miow Siew Pin, Pengurus Era Baru Development Sdn. Bhd, Seremban, Negeri Sembilan.**

SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD (SYABAS)



Pihak SYABAS tekun menerangkan prosedur dan menunjukkan Notis Privasi yang telah dipamerkan di Kaunter Premis mereka.



Lawatan Kerja pegawai-pegawai di Bahagian Pemantauan, Jabatan Perlindungan Data Peribadi.